

**MEMO BENDAHARI
(BIL. 03/2025)**

No. Rujukan : UNISEL/PB/500/04/2025(03)
Tarikh : 25 Jun 2025

SEMUA PELAJAR ANTARABANGSA,
Universiti Selangor

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته & *Salam Sejahtera*,

Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS YURAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
BAGI PELAJAR ANTARABANGSA**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada pengumuman rasmi oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada 9 Jun 2025 yang lalu, semakan kadar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) serta peluasan skop percukaian akan dilaksanakan berkuatkuasa 1 Julai 2025. Skop cukai perkhidmatan yang diperluaskan meliputi perkhidmatan pendidikan.

3. Bagi sektor pendidikan, pelaksanaan ini akan melibatkan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996 dan cukai perkhidmatan ini hanya akan dikenakan ke atas pelajar antarabangsa (bukan warganegara).

4. Sehubungan itu, Unisel ingin memaklumkan bahawa mulai 1 Julai 2025, semua yuran perkhidmatan pendidikan pelajar antarabangsa akan dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 6% selaras dengan peruntukan di bawah Akta Cukai Jualan dan Perkhidmatan 2018.

5. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh diajukan ke Unit Kewangan Pelajar, Pejabat Bendahari UNISEL melalui emel studentfinance@unisel.edu.my atau melalui talian telefon 03-5522 3555 (kampus Shah Alam) /03-3280 5043/5044 (kampus Bestari Jaya).

Kerjasama dan perhatian tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,



SITI AISYAH BINTI OMAR C.A(M)
Bendahari

s.k : Senator Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman
Presiden & Naib Canselor